

Terma dan Syarat

Kempen “Coffee On Us 2024”

Tempoh Kempen: 15 Julai 2024 – 30 September 2024

PERINGATAN: Pelanggan yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat di bawah dan penambahan terma dan syarat (sekiranya ada), dimana yang boleh didapati melalui <https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions>. Sekiranya Pelanggan yang Layak tidak memahami mana-mana terma dan syarat dan terma dan syarat yang terkini (sekiranya ada), Pelanggan yang Layak adalah dinasihati untuk membincang dengan mana-mana wakil sah dari Bank.

1. Definisi

Untuk tujuan terma dan syarat ini, kata dan ungkapan berikut mempunyai makna yang diberikan kepadanya kecuali jika konteksnya menghendaki sebaliknya:

“**Kumpulan AmBank** “ merujuk kepada semua Syarikat Berkaitan dan Syarikat Bersekutu Bank sama ada diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia, yang ada sekarang atau di masa depan dan apa-apa rujukan kepada ‘Kumpulan AmBank’ dalam terma dan syarat ini, akan merangkumi semua atau mana-mana dalam Kumpulan AmBank.

“**Aset Di Bawah Pengurusan/ABP**” adalah merujuk kepada ABP dalam mana-mana Konvensional dan/atau deposit Islamik (sebagai Pemegang Akaun Utama), i.e. Akaun Simpanan/ Simpanan-i, Akaun Semasa/ Akaun Semasa-i, Deposit Tetap/ Deposit Bertempoh-i, dan/ atau pelaburan Konvensional atau Islamik (sebagai Pemegang Akaun Utama) termasuk Bancassurance/ Bancatakaful, yang dipegang dengan Bank.

“**Bank**” merujuk kepada AmBank (M) Berhad (‘AmBank’) [No. Pendaftaran: 19690100016 (8515-D)] atau AmBank Islamic Berhad (‘AmBank Islamic’) (No. Pendaftaran: 199401009897 (295576-U)), kedua-duanya diperbadankan di Malaysia dan mempunyai alamat berdaftar di Aras 22, Kumpulan AmBank, No 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

“**Kempen**” merujuk kepada **Kempen “Coffee On Us 2024”** yang dianjurkan oleh Bank menurut terma dan syarat yang ditetapkan di sini.

“**CASA/CASA-i**” merujuk kepada Akaun Semasa/Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i Pelanggan yang Layak yang dikekalkan dengan Bank. Produk yang ditawarkan di bawah kempen ini termasuk:

- (a) Akaun Simpanan Asas/Akaun Simpanan Asas-i (BSA/BSA-i);
- (b) Akaun Semasa Asas/Akaun Semasa Asas-i (BCA/BCA-i);
- (c) Akaun Penyimpan / Penyimpanan-i TRUE;
- (d) Akaun Transaksi Semasa TRUE;
- (e) Akaun Transaksi-i TRUE;
- (f) Akaun Simpanan eFlex/ Akaun Simpanan eFlex-i
- (g) Akaun Simpanan Harian;

- (h) Akaun Simpanan Khas Family First/Akaun Simpanan Khas Family First-i;
- (i) Akaun Harian Family First/Akaun Harian Family First-i (Family First/Family First-i);
- (j) Akaun AmPartner;
- (k) Akaun Semasa AmStar/Akaun Semasa AmStar-i; dan
- (l) Akaun Simpanan-i AmWafeeq.

“Hari” merujuk pada hari Isnin hingga Jumaat, dan di mana pejabat Bank yang berdaftar dibuka, kecuali dinyatakan sebaliknya.

“Akaun Gaji” merujuk kepada Akaun Gaji AmBank@work yang didaftarkan dengan Bank oleh majikan Pelanggan yang Layak, yang mana gaji bulanan Pelanggan yang Layak dikreditkan ke dalam CASA/ CASA-i yang dipegang dengan Bank.

“Pindah Gaji Anda” merujuk kepada dana baru luaran yang dipindahkan ke CASA/ CASA-i, selama 3 bulan berturut-turut melalui DuitNow atau Interbank Giro (IBG), mengikut jadual yang dinyatakan dalam klausa 4.4 di bawah.

“Notis Terdahulu” merujuk kepada pemberitahuan oleh Bank mengenai fakta tertentu atau keadaan tertentu sekurang-kurangnya lima (5) hari kalendar.

Perbadanan Berkaitan dan Perbadanan Bersekutu hendaklah mempunyai pengertian yang sama yang diberikan kepadanya di bawah s.7 Akta Syarikat 2016 dan s.2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan, masing-masing.

Perkataan yang menunjukkan orang hendaklah merangkumi orang yang hidup dan, jika dan di mana berkenaan, badan atau orang yang diperbadankan atau tidak diperbadankan. Kata-kata yang mengimport tunggal juga merangkumi jamak dan sebaliknya. Kata-kata yang mengimport jantina maskulin merangkumi jantina feminin dan neuter.

2. Tempoh Kempen

Kempen akan bermula pada **15 Julai 2024 - 30 September 2024**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Program”) atau tempoh lain yang ditentukan oleh Bank dengan Notis Terdahulu kepada Pelanggan yang Layak (seperti yang ditentukan di bawah) sebelum Terma dan Syarat yang baru berkuatkuasa dan diterbitkan di laman sesawang Bank di www.ambank.com.my.

3. Kelayakan

3.1 “Pelanggan yang Layak” merujuk kepada pemegang akaun utama yang memenuhi kriteria berikut semasa Tempoh Kempen:

- a) Buka Akaun Gaji AmBank@work dengan gaji bulanan bersih minimum Ringgit Malaysia Enam Ribu (RM6,300) yang dikreditkan ke dalam CASA/ CASA-i; atau
- b) Pemindahan sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Enam Ribu (RM6,300) sebulan kepada CASA/ CASA-i melalui DuitNow atau IBG selama 3 bulan berturut-turut; atau
- c) Mengekalkan ABP utama minimum Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) di sepanjang Tempoh Kempen.

- 3.2 Pelanggan yang Layak juga mesti mendaftar untuk sekurang-kurangnya satu (1) produk seperti yang ditetapkan di bawah:
- a) **“Kad Kredit/ Kad Kredit-i”** – Pelanggan yang Layak yang mendaftar untuk Kad Kredit/ Kad Kredit-i AmBank/ AmBank Islamic dan permohonannya berjaya diluluskan semasa Tempoh Kempen; atau
 - b) **“Amanah Saham”** kecuali Dana *“Closed Ended”* – Pelanggan yang Layak yang melabur dalam Amanah Saham/Amanah Saham Patuh Syariah dengan caj jualan minimum dua peratus (2%) semasa Tempoh Kempen; atau
 - c) **“Bancassurance/Bancatakaful”** – Pelanggan yang Layak yang mendaftar untuk polisi *Bancassurance (Life)* atau sijil Bancatakaful (Nasihat Takaful Keluarga) semasa Tempoh Kempen; atau
 - d) **“Pembiayaan Perumahan”** – Pelanggan yang Layak yang berjaya mendaftar untuk produk Pembiayaan Perumahan dengan had pembiayaan yang diluluskan semasa Tempoh Kempen; atau
 - e) **“Pembiayaan Auto”** – Pelanggan yang Layak yang berjaya mendaftar untuk produk Pembiayaan Auto dengan had pembiayaan yang diluluskan semasa Tempoh Kempen;
- 3.3 Kategori orang yang berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen ini:
- a) Pelanggan bukan individu termasuk, tetapi tidak terhad kepada:
 - Milikan tunggal/perkongsian; dan/atau
 - Perusahaan kecil dan sederhana (SMEs); dan/atau
 - Pertubuhan bukan untung/badan kebajikan/pertubuhan.
 - b) Kakitangan Kumpulan AmBank tidak layak untuk menyertai Kempen ini.
 - c) Pelanggan yang akaunnya dengan Bank tidak aktif atau dianggap tidak aktif atau yang telah melanggar mana-mana perjanjian yang dibuat dengan Bank;
 - d) Pelanggan dengan akaun yang telah digantung, dibatalkan atau ditamatkan atas sebarang sebab semasa Tempoh Kempen atau sebelum pemenuhan Ganjaran Kempen (seperti yang ditakrifkan di bawah).
- 3.4 Deposit yang di simpan ke dalam CASA/ CASA-i di bawah Kempen ini adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit manakala dana Amanah Saham/ Amanah Saham Patuh Syariah adalah tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia. Pelanggan yang Layak dinasihatkan untuk membaca dan memahami Prospektus/ Memorandum Maklumat/ Helaian Sorotan Produk sebelum melabur.

4. Mekanik Kempen

- 4.1 Lima puluh (50) pelanggan yang pertama untuk setiap kategori yang memenuhi kriteria kelayakan seperti yang dinyatakan dalam Jadual A di bawah berhak mendapat Ganjaran Kempen semasa tempoh kempen.

Jadual A

Kelayakan	Kriteria	Ganjaran Kempen (“Ganjaran Kempen”)
<u>Kategori A - Gaji</u> Layak untuk lima puluh (50) pelanggan yang pertama yang membuka Akaun Gaji AmBank@work dengan gaji bulanan bersih minimum Ringgit Malaysia Enam Ribu Tiga Ratus (RM6,300) yang dikreditkan ke dalam CASA/ CASA-i	Pelanggan yang Layak MESTI mendaftar untuk sekurang-kurangnya satu (1) produk semasa tempoh kempen: a) Kad Kredit/ Kad Kredit-i; atau b) Amanah Saham dengan caj jualan minimum 2%; atau c) Bancassurance/ Bancatakaful; atau d) Pembiayaan Perumahan; atau Pembiayaan Auto	e-Baucar Kopi “Bask Bear” bernilai Ringgit Malaysia Seratus (RM100)
<u>Kategori B – Pindah Gaji Anda</u> Layak untuk lima puluh (50) pelanggan pertama yang memindahkan sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Enam Ribu Tiga Ratus (RM6,300) sebulan ke CASA/ CASA-i melalui DuitNow atau IBG selama tiga (3) bulan berturut-turut		
<u>Kategori C - ABP minimum RM50K</u> Layak untuk lima puluh (50) pelanggan pertama yang mengekalkan ABP minimum Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) sepanjang Tempoh Kempen		

- 4.2 Pelanggan yang Layak mesti mendaftar melalui ambank.com.my/CoffeeOnUs untuk menyertai Kempen ini.
- 4.3 Tempoh berikut dan tarikh yang sepadan akan digunakan untuk Kategori A. Gaji bersih Akaun Gaji yang baru dibuka mesti dikreditkan pada bulan penyertaan berikutnya seperti yang ditetapkan dalam Jadual B di bawah untuk layak menerima Ganjaran Kempen.

Jadual B- Gaji

Bulan Penyertaan Pelanggan yang Layak	Gaji Bulanan Yang Dikreditkan Pada Bulan Pertama yang Layak untuk Ganjaran Kempen*
Tempoh 1: 15 Julai 2024 - 31 Julai 2024	Ogos 2024
Tempoh 2: 1 Ogos 2024 - 31 Ogos 2024	September 2024
Tempoh 3: 1 September 2024 - 30 September 2024	Oktober 2024

- 4.4 Tempoh berikut dan tarikh yang sepadan akan digunakan untuk Kategori B. Pemindahan dana baru luaran melalui DuitNow atau IBG mesti dibuat selama tiga (3) bulan berturut-turut seperti yang ditetapkan dalam Jadual C di bawah untuk layak menerima Ganjaran Kempen.

Jadual C – Pindah Gaji Anda

Pelanggan yang Layak Tarikh Pindahan DuitNow / IBG Yang Pertama	Pindahan Masuk Tiga (3) Bulan Berturut-turut untuk Layak untuk Ganjaran Kempen*
Tempoh 1: 15 Julai 2024 - 31 Julai 2024	Julai 2024, Ogos 2024, September 2024
Tempoh 2: 1 Ogos 2024 - 31 Ogos 2024	Ogos 2024, September 2024, Oktober 2024
Tempoh 3: 1 September 2024 - 30 September 2024	September 2024, Oktober 2024, November 2024

- 4.5 Pelanggan yang Layak yang memenuhi kriteria dalam Klausa 4.1 dan Klausa 4.2 di atas yang layak untuk Ganjaran Kempen berdasarkan asas siapa cepat dia dapat, mengikut masa pendaftaran kempen seperti yang direkodkan dalam sistem Bank. Jumlah Ganjaran Kempen dihadkan pada Ringgit Malaysia Lima Belas Ribu (RM15,000), untuk seratus lima puluh (150) Pelanggan yang Layak (terhad kepada lima puluh (50) Pelanggan yang Layak bagi setiap kategori).
- 4.6 Untuk mengelakkan keraguan, pendaftaran produk Kad Kredit/ Kad Kredit-i baru, Pembiayaan Perumahan atau Pembiayaan Auto baru ketika Tempoh 3 (1 September 2024 – 30 September 2024), tempoh tangguh selama empat belas (14) hari kalendar dari akhir Tempoh Kempen bermula dari 1 Oktober 2024 hingga 14 Oktober 2024 ("**Tempoh Tangguh**") akan dikenakan dan produk tersebut perlu diluluskan dalam Tempoh Tangguh ini untuk melayakkan diri untuk Ganjaran Kempen.
- 4.7 Untuk mengelakkan keraguan, polisi/sijil Bancassurance/ Bancatakaful yang didaftarkan semasa Tempoh Kempen mesti diluluskan selewat-lewatnya pada 15 Oktober 2024. Polisi/sijil Bancassurance/ Bancatakaful mesti terus berkuat kuasa semasa Tempoh Kempen dan pada masa pemenuhan Ganjaran Kempen.
- 4.8 Bagi Kategori C – ABP minimum RM50,000, Pelanggan Layak mesti mengekalkan ABP prinsipal minimum Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) sepanjang Tempoh Kempen dan pada masa pemenuhan.
- 4.9 Sekiranya Pelanggan yang Layak tidak dapat memenuhi mana-mana satu kriteria dalam Klausa 4.1 dan Klausa 4.2 di atas, Pelanggan yang Layak tersebut tidak berhak mendapat Ganjaran Kempen.
- 4.10 Setiap Pelanggan yang Layak hanya layak untuk menebus satu **(1) Ganjaran Kempen e-Baucar Kopi "Bask Bear" bernilai Ringgit Malaysia Seratus (RM100)**.
- 4.11 Penghantaran Ganjaran Kempen akan dilakukan dalam tempoh dua belas (12) minggu selepas 30 November 2024 melalui sistem pesanan ringkas (SMS), mel terus elektronik (eDM) atau sebarang kaedah penghantaran lain yang dianggapkan sesuai oleh Bank.
- 4.12 Ganjaran Kempen yang diberikan kepada Pelanggan yang Layak tidak boleh ditukar atau dipindah milik untuk wang tunai, kredit atau dalam bentuk barangan.

- 4.13 Bank akan mengumumkan kepada Pelanggan yang Layak yang layak untuk Ganjaran Kempen Kod e-Baucar Kopi Bask Bear melalui sistem pesanan ringkas (SMS), mel terus elektronik (eDM), pengumuman melalui laman web korporat Bank di ambank.com. dan/atau mana-mana platform komunikasi lain yang dianggapkan sesuai oleh Bank.
- 4.14 Adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan yang Layak untuk memastikan bahawa maklumat mereka (nombor mudah alih, alamat e-mel dan alamat pos) yang disimpan dengan Bank adalah terkini. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang dialami atau untuk sebarang kegagalan untuk penghantaran Ganjaran Kempen jika kerugian atau kegagalan tersebut disebabkan oleh ketidaktepatan maklumat Pelanggan yang Layak.
- 4.15 Bank berhak untuk menukar Ganjaran Kempen kepada sebarang bentuk ganjaran dengan jumlah yang setara, dan Pelanggan yang Layak akan dimaklumkan dengan Notis Terdahulu mengikut klausa 6.3 di bawah.
- 4.16 Mana-mana Ganjaran Kempen yang tidak ditebus dalam tempoh enam (6) minggu selepas tempoh penghantaran seperti yang dinyatakan dalam klausa 4.11 di atas akan ditarik balik. Pelanggan yang Layak yang Ganjaran Kempennya telah ditarik balik tidak berhak untuk mendapat sebarang bayaran atau pampasan, dan sebarang rayuan yang timbul selepas itu tidak akan dilayan oleh Bank.

5 Kehilangan Kelayakan

- 5.1. Bank berhak untuk membatalkan penyertaan mana-mana Pelanggan yang Layak bagi tujuan Kempen ini sekiranya:
- a) Pelanggan yang Layak yang lalai terhadap sebarang kemudahan dengan mana-mana entiti di bawah Kumpulan AmBank semasa Tempoh Kempen; atau
 - b) (Mana-mana) Akaun Pelanggan yang Layak dengan Bank yang telah dibatalkan atau ditutup dalam apa cara sekalipun dalam tempoh dua belas (12) minggu selepas tamat Tempoh Kempen; atau
 - c) Pelanggan yang Layak telah memberikan maklumat yang tidak benar/ tidak sah atau bertindak dalam sebarang penipuan atau kesalahan dalam apa jua cara semasa Tempoh Kempen; atau
 - d) Pelanggan yang Layak telah melanggar mana-mana Terma dan Syarat yang ditetapkan di sini.

6 Umum

- 6.1 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dan/atau mana-mana pihak yang berkaitan di sini bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat di sini, dan terma dan syarat di sini akan dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Am untuk Akaun dan Perkhidmatan, Perjanjian MasterCard/VISA/UnionPay AmBank (M) Berhad, Perjanjian MasterCard/ VISA AmBank Islamic Berhad, Terma dan Syarat Sewa Beli serta Terma dan Syarat Khusus untuk Akaun Pelaburan-i HomeLink & Property Link serta Terma dan Syarat yang Mentadbir – Amanah Saham.

- 6.2 Bank berhak, untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah kepada mana-mana terma dan syarat yang ditetapkan di sini, sepenuhnya atau sebahagian, dari semasa ke semasa, termasuk untuk mengubah Tempoh Kempen dengan memberi Notis Terdahulu.
- 6.3 Bank berhak, pada bila-bila masa, untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberi Notis Terdahulu.
- 6.4 Sebarang notis yang akan diberikan oleh Bank akan dipaparkan di laman web rasmi Bank melalui www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions atau di cawangannya, dan sebarang notis yang sedemikian akan dianggap telah diberikan apabila ia dipaparkan di laman sesawang rasminya atau cawangannya, yang mana lebih dahulu. Pelanggan yang Layak dinasihatkan untuk menyemak laman web rasmi Bank atau notis yang dipaparkan di cawangan Bank dari semasa ke semasa.
- 6.5 Melainkan yang dinyatakan sebaliknya, terma dan syarat yang dinyatakan di sini, termasuk sebarang pindaan padanya, akan mengatasi mana-mana peruntukan dan/atau perwakilan lain yang terkandung dalam mana-mana notis/promosi/bahan pengiklanan lain untuk Kempen ini.
- 6.6 Keputusan Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen adalah muktamad dan terikat dan tiada surat-menyurat atau rayuan akan dilayan.
- 6.7 Sejauh yang diizinkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Kad yang Layak apabila berlaku "**Force Majeure**". "**Force Majeure**" merujuk kepada kejadian dan/atau keadaan yang tidak dijangka yang tidak berada dalam kawalan Bank yang wajar, di mana Bank tidak dapat menghalang, menghindari atau menghapuskan seperti kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak, pandemik, kemalangan, letupan, pengorbanan jiwa, penguncian, rusuhan, gangguan awam, tindakan musuh awam, bencana alam, "embargo" perang atau tindakan Tuhan atau keadaan yang serupa yang mungkin diklasifikasikan sebagai "**Force Majeure**" oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 6.8 Bank tidak akan bertanggungjawab pada mana-mana Pemegang Kad yang Layak di atas sebarang kerugian atau kerosakan termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan punca pendapatan, keuntungan, nama baik, secara langsung atau tidak langsung, secara sampingan, akibat, contoh, punitif atau ganti rugi khas mana-mana penyertaan Pemegang Kad yang Layak di dalam Program ini, atau Bank melaksanakan hak-haknya mengikut mana-mana terma dan syarat ini, melainkan dan kecuali kerugian dan kerosakan yang sedemikian adalah disebabkan secara langsung oleh kecuaiannya melampaui, keingkaran atau penipuan dengan sengaja.
- 6.9 Semua perselisihan mengenai pembinaan, pengesahan dan penafsiran terma dan syarat yang ditetapkan di sini, akan diaturkan, ditafsirkan dan dikuatkuasakan oleh undang-undang Malaysia. Semua pihak dengan ini akan tertakhluk kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia bagi tujuan tuntutan, tindakan atau proses lain yang timbul atau berdasarkan terma dan syarat di sini.
- 6.10 Pelanggan yang Layak dikehendaki untuk log masuk ke laman web korporat Bank bagi sebarang kemas kini Program dan merujuk kepada <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> untuk terma dan syarat yang terkini, jika ada.



- 6.11 Untuk sebarang bantuan berkaitan dengan Kempen ini, Pelanggan yang Layak boleh menghubungi pusat panggilan di **+603-2178 8888** (Isnin – Ahad, 7.00 pagi hingga 11.00 malam) atau e-mel kepada customercare@ambankgroup.com.
- 6.12 Versi Bahasa Inggeris Terma dan Syarat ini juga terdapat di <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions>